KEGANASAN

# Semua negara perlu kerjasama perangi ancaman IS

Seperti diketahui umum, dunia pada masa ini menghadapi satu bentuk ancaman hebat dari kumpulan atau puak pengganas yang menggelar mereka sebagai Negara Islam (IS) yang boleh mengancam semua pihak tanpa mengira latar belakang individu, agama serta negara didiami.

Ancaman kumpulan atau puak terbabit dilihat lebih ganas dan kejam dari kumpulan atau puak pengganas yang diketahui sebelum ini. Segala aktiviti dan ancaman yang dibuat membabitkan banyak kerosakan di luar terma prinsip kemanusiaan serta banyak melakukan pembunuhan kejam terhadap mereka yang tidak berdosa, termasuk wanita, orang tua serta kanak-kanak di kawasan yang ditakluki mereka.

Pelbagai pendedahan media dibuat terhadap kumpulan pengganas terbabit melalui saluran media sosial yang memaparkan segala aktiviti keganasan serta pembunuhan luar kemanusiaan yang dilakukan mereka sejak kemunculan mereka dua tahun lalu.

**Guna Islam sebagai perisai**

Apa yang lebih menyedihkan, kumpulan pengganas ini mengunakan Islam sebagai perisai serta alasan untuk mereka melakukan segala aktiviti keganasan yang jelas bertentangan dengan prinsip serta syariat agama Islam.

Ini secara tidak langsung memburukkan agama Islam itu sendiri di mata masyarakat antarabangsa. Apa yang lebih membimbangkan ialah kegagalan pertubuhan serta organisasi antarabangsa berkaitan untuk mengambil tindakan proaktif serta lebih berkesan bagi membendung masalah ancaman kumpulan ini.

Akibat kegagalan mereka, ancaman kumpulan pengganas ini dilihat semakin menjadi-jadi. Terbaru dilaporkan ialah kejayaan kumpulan pengganas terbabit menawan sebuah kota di Iraq serta menawan sebuah tapak warisan sejarah dunia yang terletak di Syria.

Akibat daripada tindakan mereka, ramai penduduk terpaksa melarikan diri bagi menyelamatkan diri.

Mereka juga melakukan pelbagai jenis kerosakan serta kemusnahan. Walaupun ancaman yang datang dari kumpulan pengganas ini masih dilihat aktif di Asia Barat, namun pengaruh mereka merentasi dunia melalui penggunaan teknologi canggih seperti internet.

> *"Walaupun ancaman yang datang dari kumpulan pengganas ini masih dilihat aktif di Asia Barat, namun **pengaruh mereka merentasi dunia** melalui penggunaan teknologi canggih seperti internet"*

**Perjuangan songsang**

Tindakan ini berjaya mempengaruhi beberapa pihak seperti orang muda, termasuk rakyat Malaysia untuk menyertai perjuangan songsang mereka.

Malaysia bernasib baik kerana, Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta agensi berkaitan aktif memantau segala perkara yang boleh mengancam keselamatan negara serta penduduk.

Kerajaan juga sentiasa mengambil langkah proaktif dalam membendung isu membabitkan ancaman yang datang dari kumpulan pengganas seperti pengenalan Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) yang baharu diluluskan.

Namun, Malaysia tidak boleh bersendirian dalam menangani ancaman yang datang dari kumpulan pengganas IS kerana ia membabitkan ancaman terhadap negara di seluruh dunia.

Oleh yang demikian, semua negara perlu bekerjasama bagi memeranginya. Organisasi seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menerusi majlis keselamatannya dan Persidangan Negara Islam (OIC) perlu mengeluarkan satu resolusi keras dan yang lebih bersepadu bagi memerangi IS.

Negara Islam yang banyak menerima impak negatif dari ancaman kumpulan IS perlu memberi kerjasama bagi memerangi kumpulan terbabit dengan segera sebelum ancaman keganasan serta pengaruh yang datang dari kumpulan ini berada di luar kawalan serta memberi ancaman yang lebih serius kepada negara.

**Dr Muzaffar Syah Mallow,**
Universiti Sains Islam Malaysia.